

Tindakan bawah Op Catut 6.0

KUCHING - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan terhadap peniaga di Sarawak yang menaikkan harga barang sesuka hati apabila Program Subsidi Petrol (PSP) bermula pada 1 Januari 2020.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Sarawak, Mohd Hanizam Kechek berkata, ini kerana Sarawak dan Sabah tidak terlibat dalam pelaksanaan PSP tahun depan dan program itu hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

"Namun, hasil pemantauan mendapat kebanyakkan barang (dijual peniaga) di Sarawak juga datangnya dari Semenanjung.

"Kalau berlaku kenaikan harga barang di Sarawak, kita akan mengambil tindakan di bawah Op Catut 6.0," katanya ketika mengadakan pemeriksaan harga barang Op Catut 6.0, pakaian seragam sekolah dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan lebih menumpukan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap kenaikan harga barang seperti kasut, pakaian, tekstil, makanan dan minuman.

Op Catut 6.0 bermula pada 1 Disember lalu dan akan berterusan sehingga 20 Jun 2020 di seluruh Malaysia berikutan pelaksanaan PSP dan ia merangkumi semua peringkat pengilang, pemasaran am, pengedar, pemborong dan peruncit.

- Bernama